

1 MAC 2018

Farid dedah dalang kes dadah

10 NEGARA! KOSMO! KHAMIS 1 MAC 2018

Pelakon turut dakwa dipukul 11 anggota polis ketika dalam tahanan reman **Farid dedah dalang kes dadah**

Oleh NURUL FADILA AWALUDIN

SHAH ALAM — Pelakon dan pengarah terkenal, Datuk Farid Kamil mendedahkan Ahmad Tajuddin (Taj Innuendo) dan Ahmad Fairuz (Osh) dari kumpulan nasyid Firdaus bukanlah dua individu yang didakwa telah metakkan bahan dipercayai dadah dalam minumannya sebelum ini.

Sebaliknya menurut Farid, kedua-dua individu yang dimaksudkannya telah mendakwa diri mereka sebagai kerabat diraja Johor dan Kedah serta memaklumkan ingin bertemu dengannya untuk membincangkan perkara penting.

Jelasnya, dia tidak mengenali dua individu itu secara dekat melainkan menyedari kehadiran mereka dalam industri hiburan tanah air.

"Malam sebelum ditahan, dua individu ini berjumpa dengan saya. Sepanjang pengetahuan, saya mengetahui salah seorang daripada mereka merupakan pengurus artis dan seorang lagi adalah penyanyi.

Tetapi saya tidak mengenali mereka secara rapat.

"Ketika berjumpa, mereka memperkenalkan diri sebagai kerabat diraja sebelum saya tidak sedarkan diri," katanya pada satu sidang akhbar di sini semalam.



FARID bercakap pada sidang akhbar khas di Loft Event Space, Setia Alam semalam.

Dalam pada itu, Farid juga berkongsi dua gambar individu yang dimaksudkan secara terbuka selain menjelaskan mengenai kecederaan pada dahi kepalanya.

Pada sidang akhbar itu, pelakon drama *Lafazkan Kalimah Cinta* tersebut turut menjelaskan punca dia mengalami kecederaan pada bahagian dahinya ketika berada dalam tahanan reman hari ketiga.

Dakwa Farid, ketika kejadian yang berlaku pada pukul 2 pagi, dia didatangi oleh 11 anggota polis berpakaian biasa yang telah menyarungkannya dengan pakaian berwarna putih (baju pasung) sebelum tiba-tiba lampu sel di tutup.

"Ketika dipakaikan dengan baju putih, saya cuba meronta dan tiba-tiba berasa seperti ada cairan mengalir pada wajah saya.

"Sejurus lampu dibuka semula dan berusaha membuka pakaian berkenaan, saya mendapati banyak kesan darah pada baju berkenaan.

"Sebelum kejadian itu berlaku, saya hanya bertanyakan tentang arah kiblat disebabkan banyak keraguan tentang arah kiblat yang sebenar," katanya.

Suami kepada pelakon Diana Danielle



Farid Kamil didakwa atas empat tuduhan jenayah

KERATAN Kosmo! 17 Januari 2018.



Dua rakam terbit kes Farid Kamil diminta bantu siasatan

KERATAN Kosmo! 9 Februari 2018.

itu memberitahu, dia sudah membuat laporan polis terhadap 11 individu berkenaan pada 31 Januari lalu di Balai Polis Taman Tun Dr. Ismail, namun maklum balas yang diterima daripada pihak polis mengecewakan.

Terdahulu, pada 16 Januari lalu, Farid telah didakwa di Mahkamah Majistret Petaling Jaya, atas empat pertuduhan iaitu dua tuduhan menyebabkan kecederaan, berkelakuan tidak senonoh dan mengganggu penjawat awam.

Semua pertuduhan tersebut dijatuhkan kepadanya setelah Farid bertindak ganas dan menimbulkan kekacauan di Balai Polis Kota Damansara pada 11 Januari lalu.

Pada 25 Januari lalu pula, Farid mengaku tidak bersalah di mahkamah majistret sama atas pertuduhan mengambil dadah jenis THC iaitu dalam kumpulan ganja.